

MAHATHIR - KASINO R'R'R'  
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG  
+BERKIRA-KIRA CARA UNTUK MENGHARAMKAN ORANG ISLAM+ KE KASINO  
GENTING HIGHLANDS, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR  
MOHAMAD BERKATA HARI INI.

+KITA TERPAKSA MEMASTIKAN SIAPA YANG AKAN MENJALANKAN  
TUGAS UNTUK MENGENALPASTI ORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM,+  
KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA.

PERDANA MENTERI MERASKAN BAHAWA KASINO ITU TIDAK SEPATUTNYA  
DIBEKANKAN DENGAN TUGAS UNTUK MENGENALPASTI ORANG ISLAM DAN YANG  
BUKAN ISLAM.

MENGENAI SAMA ADA CADANGAN ITU IALAH UNTUK MENGHARAM ORANG  
ISLAM DARI BERJUDI ATAU MEMASUKI KE KASINO, KATANYA: +DARI  
BERJUDI,+

+TETAPI MEREKA TIDAK PERLU MEMASUKI KASINO,+  
TAMBAH PERDANA MENTERI LAGI. -- 1615/MK

MAHATHIR - KASINO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI BERMAKNA PEKERJA KASINO  
BERAGAMA ISLAM TERPAKSA MELETAKKAN JAWATAN.

+MEREKA MUNGKIN TERPAKSA MENINGGALKAN KERJA,+ TAMBAHNYA.

KEPADA SATU KENYATAAN BAHAWA ORANG ISLAM MENGANGGOTAI LEMBAGA  
GENTING HIGHLANDS ITU, BELIAU BERKATA: +ADA PERBEDAAN  
ANTARA BERJUDI DAN MEMILIKI SATU PERNIAGAAN YANG MEMPUNYAI  
BANYAK KEPENTINGAN SELAIN DARI JUDI SAHAJA.+

MENGENAI SAMA ADA MALAYSIA BERCADANG UNTUK MENGENAKAN HUKUMAN  
WAJIB MATI KE ATAS PENGEDAR DADAH, PERDANA MENTERI BERKATA  
IA AKAN DILAKUKAN JIKA DITUNTUT OLEH KEADAAN.

+KITA TERPAKSA MENYEDARKAN PENGEDAR DAN ORANG ASING YANG  
MEMBAWA DADAH KE SINI TENTANG KERASNYA UNDANG-UNDANG MALAYSIA,+  
TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1619/MK